



# SEMINAR KEPIMPINAN ISLAM SERANTAU

*Seminar on Regional Muslim Leadership*

Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

## Sumbangan Masyarakat Minoriti Islam dalam Pembangunan Republik Singapura

*Contribution of the Minority Muslim Society in the  
Development of the Republic of Singapore*

**Tuan Haji Maarof bin Haji Salleh**

Presiden Majlis Ugama Islam Singapura  
*President Islamic Religious Council, Republic of Singapore*

29 Safar & 1 Rabi<sup>c</sup> al-Awwal 1420

14 & 15 Jun 1999

Dewan Kuliah Utama  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya



## **PENGENALAN: MENGENANG SUMBANGAN ANAK SINGAPURA**

Kira-kira dua bulan lalu, lebih tepat lagi pada 17 Apr 99 bersamaan 1 Muharram 1420 Hijrah, seorang tokoh besar dalam bidang ilmiah, perundangan sivil dan syariah telah pulang ke Rahmatullah. Tokoh yang dimaksudkan itu ialah Allahyarham Profesor Emeritus Dr Ahmad bin Mohamad Ibrahim, atau lebih dikenali sebagai Profesor Ahmad Ibrahim sahaja.

Anak kelahiran Singapura itu meninggal dunia di rumahnya di Gombak, Malaysia, bertepatan dengan tarikh beliau dikurnia gelaran Tokoh Ma'al Hijrah oleh Yang di-Pertuan Agong Malaysia, sepuluh tahun yang lalu, sebagai menghargai pencapaian cemerlangnya.

Bagi masyarakat Singapura, khususnya masyarakat Islam, jasa Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim akan sentiasa dikenang terutama kerana sumbangan beliau dalam menggubal Akta Pentadbiran Hukum Islam (*Administration of Muslim Law Act*, atau AMLA) yang mula dilaksanakan di Singapura dalam 1968.

Perlaksanaan AMLA amat penting bagi masyarakat Islam Singapura. Menerusi AMLA, institusi-institusi Islam yang utama yang diamanahkan untuk memelihara kepentingan serta mentadbir dan mengurus hal ehwal masyarakat Islam telah dibentuk.

Institusi-institusi yang dimaksudkan itu ialah Majlis Ugama Islam Singapura atau MUIS, Mahkamah Syariah dan Pejabat Pendaftaran Pernikahan Orang-orang Islam. Tiga badan ini merupakan tungggak penting dari segi perlaksanaan hukum dan pentadbiran Islam di Singapura modern.

Sumbangan Allahyarham tidak hanya terbatas dalam hal-hal perundangan Islam. Malah, anak Melayu/Islam pertama penerima anugerah "Queen Scholar" itu juga bertanggungjawab menghasilkan beberapa terbitan perundangan untuk kegunaan Singapura hingga ke hari ini.

Antaranya ialah *Legal Status of Muslims in Singapore, Women's Charter, Family Law in Malaysia and Singapore, Islamic Law in Malaysia and Inter-Religious Organisation (IRO) Constitution.*

IRO yang ditubuhkan dalam 1949 masih berfungsi dan giat melaksanakan matlamatnya untuk memupuk kesefahaman dan toleransi antara agama di Singapura.

Allahyarham Ahmad Ibrahim bukanlah satu-satunya sahaja anak Islam kelahiran Singapura yang menyumbang baktinya ke Semenanjung Malaysia. Dalam bidang-bidang lain seperti seni budaya, sastera, penulisan dan perfileman, ada juga nama-nama lain yang menyerlah. Contohnya Tan Sri Abdul Samad Ismail.

Tokoh-tokoh ini lahir dan bakat mereka berkembang di Singapura dalam tahun-tahun 50an hingga pertengahan 60an. Singapura ketika itu merupakan nadi dan pusat pertemuan serta perkembangan intelektual, budaya dan kesusastraan Melayu di rantau ini. Ramai cendekiawan dan bakat-bakat dari Semenanjung berkumpul di Singapura kerana pulau tersebut menawarkan ‘medan’ bagi mereka yang mahu mengembangkan bakat dan karya mereka.

Sebelum itu pun, istimewa pada dekad-dekad sebelum Perang, Singapura juga telah menyumbang dalam gerakan pembangunan dan pembaharuan Islam yang kesannya juga tercambah di Semenanjung.

Hari ini walaupun keadaan telah berbeza, namun, ia tidak bermakna anak Melayu, atau orang Islam Singapura, sebagai golongan minoriti, tidak mempunyai peranan atau sumbangan dalam menentukan arah masa depan Singapura yang cergas dan pantas mencipta nama sebagai bandar kosmopolis di rantau ini.

## DINAMIKA MINORITI ISLAM

Baru-baru ini saya berkesempatan menghadiri satu persidangan antarabangsa di Chicago, Amerika Syarikat. Selama beberapa hari di sana, saya berpeluang bertemu dan bertukar-tukar pandangan serta pengalaman dengan beberapa kumpulan Islam di Chicago, Washington dan LA.

Apa yang menarik perhatian saya ialah adanya beberapa persamaan yang unik antara masyarakat minoriti Islam di Amerika dengan di Singapura.

**Pertama**, sebagai masyarakat minoriti yang datang daripada berbagai pelusuk dunia, masyarakat Islam di Amerika amat komited dengan perjuangan mereka untuk mengembangkan syiar Islam. Mereka juga kuat berpegang kepada prinsip berdikari dan bersatu padu dalam menghadapi cabaran di negara terbuka dan berbilang bangsa dan agama. Mereka mahu menjadi masyarakat Islam contoh yang sejati bukan saja di Amerika malah di dunia.

Seperti mereka, masyarakat Islam Singapura juga mempunyai aspirasi yang sama dan yakin bahawa tiada siapa yang dapat mengubah nasib mereka selain diri mereka sendiri.

**Kedua**, masyarakat minoriti Islam di Amerika menerima hakikat bahawa mereka hidup dalam sebuah masyarakat berbilang bangsa, agama dan budaya. Ini bermakna mereka harus sama-sama turut serta dalam arus pembangunan negara, bersikap toleran dan sederhana tanpa menggadaikan prinsip dan warisan agama mereka.

Pendirian dan amalan ini bukanlah suatu yang asing bagi masyarakat Islam Singapura. Sejak lebih 30 tahun Singapura merdeka, nilai-nilai toleran, bersikap sederhana, membantu menyumbang ke arah pembangunan negara (nation building), mengukuhkan keharmonian agama dan kesepaduan sosial (social cohesion), sudah menjadi sebahagian daripada budaya dan amalan masyarakat Islam di Singapura.

## PROFIL MASYARAKAT ISLAM SINGAPURA

Masyarakat Islam Singapura membentuk sekitar 15 peratus daripada 3 juta penduduk Singapura. Sebahagian besarnya merupakan etnik Melayu. Oleh itu, kaitan keduanya antara masyarakat Melayu dan masyarakat Islam tidak dapat dielakkan. Hari ini, masyarakat Melayu/Islam telah mengalami banyak perubahan baik dari segi sosial, pendidikan, ekonomi, pemikiran mahupun harapan dan aspirasi.

Ketika Singapura mengistihar kemerdekaannya pada 1965, tahun perpisahannya daripada Malaysia, masyarakat Melayu/Islam mengalami satu kejutan psikologi. Sebelum Malaysia, orang-orang Melayu berada di kedudukan minoriti. Dalam Malaysia, mereka menjadi majoriti. Kini, sekali lagi, mereka kembali kepada status minoriti.

Singapura yang merdeka dengan saiznya yang kecil dan tanpa sebarang sumber alam, harus melakar arah, merancang program dan mengatur langkah untuk bergerak menjamin penakatannya. Dan orang-orang Melayu/Islam, sebagai sebahagian warganya, harus segera menyatakan pendirian, membuat pilihan.

Di antara pilihan-pilihan tersebut termasuklah, **pertama**: sama ada akan terus bersama Singapura atau menyahut tawaran berpindah ke Malaysia; **kedua**: sama ada bersedia mempersiap diri bagi menyertai arah dan rentak pembangunan negara atau tersisih di pinggiran; dan **ketiga**: sama ada melayan emosi mempertahan keperluan etnik sebagai pribumi atau bertindak realistik pada menyeimbangkan di antara ekeperluan negara dan keperluan kelompok sendiri.

Bukan mudah membuat pilihan-pilihan demikian. Sebagai golongan minoriti di sebuah masyarakat sekular moden yang berbilang kaum, budaya dan agama, kekhuatiran utama ialah dapatkah masyarakat Melayu/Islam mengekalkan warisan budaya dan agamanya dalam ikut menyertai arus perdana pembangunan negara?

Kejutan psikologi yang demikian itu tentu mengambil masa agak panjang untuk reda. Akibatnya, meskipun pilihan-pilihan telah dibuat, langkah-langkah yang diambil untuk menangani persoalan yang rumit itu kelihatan kurang mantap dan terarah sehingga hasilnya kurang menjadi.

Banci Penduduk 1980 mengesahkan pencapaian rendah orang-orang Melayu di pelbagai bidang.

Perkembangan baru di sekitar 1980an melihat keadaan menjadi lebih kritikal menuntut masyarakat Islam membuat penyesuaian diri. Kemelesetan ekonomi memaksa dasar baru dilancarkan negara. Di antaranya peningkatan pada kemahiran tinggi dan globalisasi. Aspek terakhir ini memaksa negara kepada usaha menarik bakat-bakat tertinggi dari luar negara di samping mendorong masyarakat ekonomi Singapura keluar menembusi pasaran kerantauan dan antarabangsa. Masyarakat Islam melihat diri mereka harus sedia bersaing untuk tidak terus dan teruk terkebelakang dalam persaingan yang masih terbuka.

Untungnya, kejutan terbaru ini telah ditangani dengan lebih matang. Masyarakat Islam membuat penilaian diri dan bersama-sama itu membuat konsolidasi terhadap apa yang telah dikerjakan selama ini. Pendekatan bantudiri (*self-help*) diberi nafas baru dan sinergi antara sesama masyarakat Melayu/Islam, dan dengan pemerintah serta swasta diberi landasan lebih kukuh dalam mencari kemajuan.

Dan menjelang 1990an, tanda-tanda kepada hasil kemajuan yang lebih positif mula kelihatan.

Hari ini, masyarakat Islam Singapura umumnya adalah lebih berpendidikan, lebih mewah dalam gaya hidup mereka, lebih tebal kesedaran beragama, lebih berkeyakinan diri untuk bersaing dengan kaum lain, lebih berfikiran terbuka, lebih sedar akan hak masing-masing sebagai rakyat Singapura, dan oleh itu lebih “*demanding*”. Justeru, mereka lebih bersifat ‘kesingapuraan’ berbanding generasi bapa atau datuk mereka.

Profil Melayu/Islam baru itu menjadikan masyarakat Melayu/Islam lebih ‘peka’ dengan apa yang berlaku di sekeliling mereka terutama yang menjejas maruah dan agama mereka. Ertinya, mereka juga lebih berkesedaran politik.

Sebagai contoh, ramai daripada mereka kurang senang dengan komen atau desas desus yang menuduh kononnya masyarakat Melayu/Islam Singapura sudah mula hilang identiti Melayu dan Islam mereka. Ramai juga kurang selesa isu-isu sensitif bangsa dan agama yang meletus di negara-negara jiran dijadikan isu mencabar kesetiaan mereka atau yang meletakkan mereka dalam keadaan serba salah.

## **POHONNYA TIADA, BUAHNYA ADA**

Dengan latarbelakang dan senario yang dibentangkan tadi, apakah sumbangan masyarakat minoriti Islam Singapura, dan apakah cabaran yang dihadapinya? Dapatkah masyarakat Islam meningkatkan tahap pencapaian dan mengukuhkan kedudukannya sebagai masyarakat minoriti contoh sedang sumber-sumber (resources) yang ada amat terbatas, ditambah pula dengan hakikat mereka tidak mempunyai ‘political legitimacy’ seperti saudara seIslam mereka di Malaysia dan Indonesia?

Mengenai hal keterbatasan sumber ini, seorang ustaz Singapura pernah menceritakan bahawa seorang rakannya dari sebuah negara jiran, juga seorang ustaz, pernah berkata kepada beliau bahawa Singapura bak syurga. Ustaz dari Singapura itu bertanya kepada rakannya: “Kenapa ente cakap begitu?” Rakan beliau itu menjawab: “Di Singapura, pohonnya tiada tetapi buahnya ada.”

Apa yang dimaksudkan oleh ustaz tersebut ialah Singapura memang ketandusan sumber-sumber semula jadi (pohon), namun ia mempunyai ‘buah’ iaitu sumber manusia yang membawa hasil yang lumayan.

Di Singapura, sumber manusia - tidak kira bangsa, latarbelakang agama atau budaya - amat berharga dan usaha muhup pastikan sumber itu dimaksimumkan penggunaannya telah menjadi satu dasar utama negara, baik menerusi peningkatan pendidikan, latihan dan latihan semula, ataupun melalui proses pengembangan bakat, menyediakan peluang serta insentif.

Kejayaan sesebuah negara juga bergantung kepada keadaan dalam negeri itu. Usaha-usaha bagi membangunkan ekonomi, termasuk menarik pelaburan asing, memerlukan sekitaran yang aman dan damai, dengan keadaan politik yang stabil dan hubungan kaum yang harmoni.

Bagi Singapura, selain izin Tuhan, dua faktor telah membuatnya berjaya – rakyat dan sekitaran yang stabil.

Masyarakat minoriti Islam Singapura sama ada secara individu maupun secara kolektif sebagai sebuah masyarakat, nyata telah memainkan peranan penting dalam pembentukan dua faktor kejayaan Singapura itu.

## **MANFAAT ASET SUMBER MANUSIA**

Kepimpinan yang cekap dan rakyat yang sanggup bekerja kuat adalah aset penting Singapura. Bagi Singapura, kreativiti minda dan kerja keras adalah sumbangan yang besar kepada negara.

Dalam aspek ini, masyarakat Islam telah memainkan peranan penting. Mereka turut menyumbang dalam bentuk kepimpinan, tenaga fizikal dan kekuatan minda kepada negara dalam pelbagai bidang: politik, ekonomi, pendidikan dan sebagainya.

## KEPIMPINAN POLITIK

Ketika Singapura merdeka dalam 1965, negara muda ini berhadapan dengan pelbagai masalah – penakatan ekonomi yang tidak menentu, ancaman komunis serta sikap perkauman dan hubungan kaum yang rapuh. Masyarakat Islam pula, terutamanya orang Melayu, antara lain menghadapi persoalan sama ada mahu mengikut perasaan mereka dan menuntut hak-hak istimewa sebagai pribumi pulau ini atau mencapai keseimbangan antara keperluan negara dengan keperluan etnik sendiri.

Kepimpinan yang rasional dan berani amat diperlukan dalam tahun-tahun yang bergelora itu.

Dalam hal ini, beberapa anggota masyarakat Melayu/Islam telah ke depan untuk memenuhi keperluan itu. Mereka termasuk Ahmad Ibrahim, Yusoff Ishak, Haji Rahmat Kenap, Othman Wok, Haji Yaacob Mohamed dan beberapa nama lagi. Tokoh-tokoh politik tersebut telah memainkan peranan penting dalam membantu mengikis sikap perkauman di kalangan kaum-kaum di Singapura dan merobah masyarakat negara ini untuk menerima fahaman berbilang kaum (*multiracialism*), bersatu padu dan bersama-sama membina negara.

Seperti para pemimpin *Old Guards* yang lain, mereka memberi saham besar mengemudi Singapura keluar daripada ancaman komunis, cengkaman sikap perkauman dan ketidakpastian ekonomi. Menurut mantan Perdana Menteri Singapura selama 31 tahun, Encik Lee Kuan Yew, pemimpin politik Melayu/Islam itu telah bergadai nyawa demi penakatan negara ini.

Dalam 1961, umpamanya, apabila Menteri Buruh ketika itu, K M Byrne, seorang Nasrani, tidak bersedia bertindak ke atas golongan komunis, pemerintah PAP yang baru berkuasa memutuskan untuk meminta Ahmad Ibrahim mengambil alih jawatan itu. Allahyarham membuktikan beliau tidak dapat diugut; beliau membubarkan Kongres Kesatuan Sekerja yang telah dikuasai golongan komunis dan bertindak ke atas beberapa dalang utama komunis dalam Briged Pekerja.

Dalam *memoir* beliau, Encik Lee menyifatkan Allahyarham Haji Yaacob Mohamed sebagai “satu aset yang besar berhubung dengan orang-orang Melayu”.

Para pemimpin Melayu/Islam ketika itu telah menunjukkan iltizam dalam mengatasi masalah perkauman dan menegakkan fahaman *multiracialism*. Pendirian mereka tidak goyang sekalipun digelar pengkhianat bangsa dan dikafirkan.

#### Peranan tokoh-tokoh politik Melayu/Islam

Angkatan tokoh-tokoh politik Melayu/Islam itu seterusnya memegang pelbagai jawatan dalam pemerintah dan turut menyumbang dalam usaha menggubal dan melaksana dasar-dasar yang membawa kepada kemajuan negara. Mereka meletakkan batu asas untuk Singapura mencapai kemakmuran yang dikehendaki sehingga hari ini.

#### Peranan

Sumbangan masyarakat Melayu/Islam dalam bidang politik berterusan sehingga kini. Malah, peranan yang dimainkan oleh pemimpin politik Melayu/Islam kini semakin meluas dan tidak setakat berfungsi memberi perhatian kepada soal-soal masyarakat Melayu-Islam atau “menjaga kawasan Melayu”. Mereka turut diberi tanggungjawab dalam bidang-bidang penting, seperti pendidikan, ehwal luar negara, pembangunan masyarakat dan pengangkutan, dan dalam menangani isu-isu nasional yang lain.

## PEMBANGUNAN EKONOMI

#### ISITUR

Menjelang 1970/71 masalah asas penakatan ekonomi telah dapat diatasi dan Singapura mula mara dan merancang memajukan ekonomi negara seterusnya. Untuk melakukan ini, struktur ekonomi diubah dengan penekanan diberi kepada sektor perkilangan. Industri-industri dalam sektor perkilangan memerlukan lebih banyak pekerja bidang teknikal, dan orang Melayu/Islam memainkan peranan penting memenuhi keperluan itu. Sumbangan dua golongan pekerja Melayu/Islam, terutamanya, begitu besar dalam pembangunan sektor perkilangan. Mereka ialah para lulusan institut-institut kejuruan (*Vocational Institute* atau VI, atau kini Institut Pendidikan Teknikal, atau ITE) dengan sijil pertukangan atau teknikal dan wanita-wanita Melayu/Islam yang bekerja sebagai operator pengeluaran.

Para lulusan VI itu, biarpun hanya separuh mahir jika dibandingkan dengan lulusan kejuruteraan politeknik atau universiti, memainkan peranan penting sebagai pekerja kolar biru dalam sektor perkilangan. Dengan pendidikan teknikal mereka, mereka memenuhi keperluan pelbagai industri dalam sektor perkilangan.

Para pekerja wanita Melayu/Islam dalam sektor ini boleh dianggap menjadi tulang belakang sektor perkilangan dalam tahun-tahun 1970an.

Perkilangan masih menjadi nadi ekonomi dan sumbangan masyarakat Melayu/Islam dalam sektor itu berterusan. Mengikut banci 1990, 31 peratus orang-orang Melayu/Islam bekerja dalam industri pengeluaran.

Dalam bidang ekonomi juga, khususnya dalam perdagangan, sumbangan seorang anak Melayu/Islam begitu terserlah. Beliau ialah Hj Ridwan Dzafir, mantan Pengarah Agung Lembaga Kemajuan Perdagangan (TDB). Selama lebih 20 tahun beliau berkhidmat dalam TDB dan memainkan peranan besar merundingkan soal-soal perdagangan untuk Singapura di arena antarabangsa dan menarik para pelabur asing ke sini.

Selain itu, Encik Rafiq Jumabhoy, seorang Muslim keturunan minoriti Khoja dari India Selatan, dilantik duduk dalam Jawatankuasa Perancangan Ekonomi. Jawatankuasa itu dibentuk untuk melakar strategi-strategi baru dalam pembangunan ekonomi Singapura.

Masyarakat Melayu/Islam juga memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara melalui kegiatan-kegiatan perniagaan yang mereka ceburi. Syarikat-syarikat Melayu/Islam, sungguhpun tidak besar, semakin banyak dan dalam bidang yang semakin luas. Kini, sudah ada anak Melayu/Islam yang menjadi usahawan perkapalan, pengilangan, hartanah atau yang memiliki kumpulan syarikat atau rangkaian kedai. Seorang anak Melayu/Islam, Encik Mohammed Salleh Marican, telah berjaya menyenaraikan syarikatnya, Second Chance, di bursa saham kedua Singapura. Seorang lagi pula, Encik Salleh Sam, mempunyai kumpulan 25 buah syarikat.

Kini, apabila pemerintah berusaha membentuk sayap kedua ekonomi dan menyeru syarikat-syarikat setempat supaya menyerantau, ada juga syarikat Melayu/Islam yang menyahut seruan itu. Syarikat-syarikat Melayu/Islam itu mengembangkan sayap di rantau ini dan ada juga yang berjaya menembusi pasaran China. Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Singapura juga giat mengadakan misi perdagangan ke luar negera.

## PENDIDIKAN

Mutu sumber manusia sesebuah negara bergantung juga kepada taraf pendidikan rakyatnya.

Memang secara relatif, pencapaian pendidikan masyarakat Melayu/Islam agak lemah. Namun usaha berterusan telah dibuat bagi mengatasi masalah ini. Pembentukan Yayasan Mendaki (YM) dalam 1981, telah memperkuat usaha-usaha sebelum itu bagi meningkatkan lagi kesedaran dan langkah-langkah lebih tersusun bagi meninggikan tahap pencapaian pendidikan anak-anak Melayu/Islam. Kini, selain YM, terdapat banyak badan-badan Melayu-Islam yang lain, seperti Angkatan Karyawan Islam (AMP), yang semakin aktif membantu ibu bapa dan para pelajar dalam bidang pendidikan dan pembangunan sosial. Semakin bertambah bilangan ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka melanjutkan pelajaran dengan biaya sendiri ke luar negara, sama ada di peringkat ijazah atau posijazah.

Hasilnya, pencapaian pendidikan masyarakat Melayu-Islam semakin baik. Kini, sekitar satu perempat daripada setiap kohort murid Melayu/Islam berjaya melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat tinggi, politeknik dan universiti. Di universiti, bidang pengajian yang mereka ikuti kian luas, tidak setakat dalam Sastera dan Sains Kemasyarakatan. Bilangan siswazah dan karyawan Melayu/Islam bertambah setiap tahun.

Malah, sudah ada para pelajar Melayu-Islam yang mencipta nama sebagai pelajar terbaik; mendapat anugerah tertinggi di politeknik dan lulus dengan cemerlang di universiti tempatan dan luar negara termasuk universiti terkemuka seperti Universiti Cambridge. Tren positif ini akan berterusan.

Dengan taraf pendidikan yang semakin tinggi, mutu dan bidang sumbangan masyarakat Melayu-Islam kepada negara dalam pembangunan ekonomi dan pembangunan sosial juga meningkat. Hari ini, orang Melayu/Islam tidak setakat menjadi teknisyen atau operator pengeluaran di kilang-kilang. Kini, ada anak Melayu-Islam yang menjadi CEO syarikat berbilang negara (MNC), ketua jabatan di hospital, hakim, pegawai undang-undang di agensi pemerintah, pensyarah di institut pengajian tinggi, pengetua atau ketua jabatan di sekolah, guru bagi subjek ekonomi, matematik, sains dan bahasa Inggeris di maktab rendah, dan menjawat jawatan-jawatan kanan lain dalam sektor awam maupun swasta.

Masyarakat Melayu/Islam sekarang lebih bertekad, bersemangat dan bersedia untuk merau ke hadapan dan berjaya dalam apa jua bidang. Sebagai sebahagian sumber manusia Singapura, orang Melayu/Islam dijangka memainkan peranan yang lebih penting dan memberi sumbangan yang lebih besar kepada negara -- menjadi aset yang semakin berharga.

## MEWUJUDKAN PERSEKITARAN STABIL

Banyak negara mundur kerana dihambat keadaan dalam negeri yang tidak stabil. Negara-negara tersebut tidak dapat menarik pelaburan dan kepakaran untuk memanfaatkan sumber-sumbernya. Para pelabur tidak akan meletakkan wang mereka di negara yang keadaan politiknya tidak mantap dan hubungan kaumnya goyah kerana ini bermakna masa depan yang tidak menentu dan risiko yang terlalu tinggi.

Persekutuan aman damai, dengan kestabilan politik dan keharmonian kaum, perlu diusahakan dan sentiasa dijaga. Cabaran mewujudkan keadaan yang stabil ini lebih besar bagi negara berbilang kaum seperti Singapura. Apabila Singapura merdeka, semangat kekitaan dan perpaduan masih lemah di kalangan rakyat negara ini. Rakyat masih kuat diikat dengan sentimen kekauman, bahasa dan budaya masing-masing. Mereka memandang satu sama lain dengan perasaan tidak senang dan syak wasangka.

Kini, meskipun kesepadan sosial masih dalam proses menuju kedewasaannya, situasinya adalah jauh lebih baik.

Kejayaan menggantikan sentimen kekauman dengan sikap kekitaan sebagai warga Singapura ini tidak mungkin dicapai tanpa sokongan dan keprihatinan semua pihak, termasuk masyarakat Melayu/Islam. Sumbangan masyarakat Melayu/Islam dalam membantu mewujudkan kemantapan sosial dan politik ini amat besar. Bagi masyarakat Islam, pendirian ini adalah selaras dengan suruhan agama yang menuntut umatnya bersikap sederhana dan memelihara keamanan serta keadilan sepanjang masa.

## **TIDAK MENDESAK DIBERI KEISTIMEWAAN**

Masyarakat Melayu/Islam turut memainkan peranan besar dalam usaha menanam semangat cinta terhadap negara dan mewujudkan perpaduan kaum. Antara sumbangan pertama orang-orang Melayu/Islam kepada usaha itu ialah melalui sikap mereka yang tidak menuntut hak istimewa sebagai pribumi Singapura. Walaupun sikap itu mungkin tidak menyeluruh dikongsi di kalangan orang Melayu/Islam istimewa pada tahun-tahun awal kemerdekaan Singapura, ia kini telah teguh menjadi pendirian mereka. Orang Melayu/Islam mahu bersaing dengan sama rata dan diberi peluang untuk maju bersama arus nasional.

Di tahun-tahun 60an dan 70an, setiap kali berlaku seminar-seminar membahaskan penyertaan masyarakat Melayu/Islam dalam pembangunan negara, terdapat banyak tuntutan agar orang Melayu/Islam diberi layanan khas sebagai pribumi. Kini, suara-suara tersebut telah berganti dengan harapan agar pemerintah dan bukan-Melayu tidak meletakkan halangan kepada dayausaha masyarakat Melayu/Islam dalam membangun keupayaan mereka. Sikap ini menggambarkan rasa yakindiri yang bertambah di kalangan masyarakat Melayu/Islam hari ini.

Sikap masyarakat Melayu/Islam yang demikian itu telah membantu melenyapkan kecenderungan untuk berpaling kepada tindakan-tindakan yang tidak diingini apabila berasa kecewa atau marah. Sikap ini sangat penting kerana ia membolehkan pemerintah mengambil pendirian yang adil terhadap semua kaum dan agama lantas mengelakkan perasaan cemburu atau marah antara satu kaum dengan kaum yang lain. Hal ini telah membantu usaha membawa kemantapan, melenyapkan ketegangan dan menggalakkan perpaduan.

## **MENERIMA NILAI-NILAI POLITIK NEGARA**

Perdana Menteri Goh Chok Tong, dalam ucapannya baru-baru ini, berkata bahawa masyarakat Melayu/Islam telah memberi sumbangan yang besar kepada kejayaan Singapura apabila mereka memilih sejak 35 tahun dulu untuk menyokong nilai-nilai politik negara ini. Beliau merujuk fakta kemenangan calon-calon Melayu PAP yang memperjuangkan dasar *multiracialism*, di kawasan-kawasan majoriti Melayu, ke atas calon-calon lain yang bercorak kekauman, di tahun-tahun awal kemerdekaan Singapura. Orang-orang Melayu/Islam pada umumnya menerima dasar-dasar asas pemerintah seperti fahaman berbilang kaum (*multiracialism*) dan *meritocracy*.

Dasar-dasar ini antara lain menggalakkan setiap orang membantu diri sendiri dengan anggota masyarakat yang kurang berjaya dibantu meningkatkan taraf mereka (*level up*), dan bukannya mereka yang berjaya terpaksa merendahkan taraf mereka atau melepaskan milik dan hak mereka.

Ini, antara lain, telah mempermudah pihak pemerintah memperkenalkan dasar-dasar yang dirasakan baik untuk negara sekalipun dasar-dasar itu mungkin tidak memihak kepada orang Melayu/Islam kerana keadaan mereka yang terkebelakang berbanding dengan kaum-kaum lain.

Dasar *meritocracy*, umpamanya, memang tidak memihak kepada masyarakat Melayu/Islam yang lemah terutama pada tahun-tahun awal pembangunan Singapura. Bagaimanapun, dasar ini perlu bagi meningkatkan imej negara di kacamata dunia dan dalam menarik pelaburan. Dasar ini juga lebih menjamin wujudnya kepimpinan yang terpilih atas dasar berkebolehan tinggi, dan faktor ini penting demi menjaga kepentingan majoriti rakyat, termasuk golongan minoriti seperti masyarakat Melayu/Islam itu sendiri. Dengan penerimaan masyarakat Melayu/Islam yang demikian itu, pemerintah dapat meneruskan dasar ini dengan beberapa penyesuaian yang tidak mengancam kepentingan ramai.

Ucapan Perdana Menteri Goh yang disebutkan itu merupakan pengiktirafan pemerintah Singapura bahawa sokongan masyarakat Melayu/Islam kepada nilai-nilai politik negara ini merupakan sumbangan yang besar kepada keharmonian, kemajuan dan kejayaan Singapura.

## TIDAK MELAMPAU DALAM SOAL AGAMA

Di sesetengah negara, bukan sahaja merobohkan masjid, malah bercakap mengenainya sahaja boleh menjadi isu besar. Di Singapura, kampung-kampung, termasuk masjid, terpaksa memberi laluan kepada pembangunan terutama dalam tahun-tahun 1960-an dan 1970-an. Bagaimanapun, melalui beberapa inisiatif baru, masjid-masjid ini telah diganti dengan masjid yang moden yang lebih besar dan lebih lengkap dengan berbagai kemudahan terkini.

Menerusi program Dana Pembinaan Masjid (DPM) umpamanya, 18 buah masjid generasi baru telah dibina di estet-estet perumahan baru sejak 1970an. Wang bagi membina masjid-masjid ini diperolehi daripada sumbangan secara tetap oleh setiap pekerja Islam menerusi potongan gaji bulanan melalui Tabung Simpanan Pekerja (CPF).

Urusan membina dan memajukan masjid-masjid ini terletak di pundak Majlis Ugama Islam Singapura atau MUIS. Hari ini masjid-masjid generasi baru ini bukan sahaja menjadi lambang kehadiran masyarakat Islam, bahkan memainkan peranan penting sebagai agen perubahan rohani dan jasmani masyarakat Islam menerusi berbagai-bagai program dan aktiviti yang bercorak agama, pendidikan dan sosial.

Menerusi masjid-masjid juga nilai-nilai murni Islam seperti hidup berharmoni, menjaga kepentingan umum, bersikap rasional dan realistik telah ditekankan dari masa ke masa. Ini disampaikan menerusi khutbah Jumaat dan kegiatan-kegiatan lain.

Masyarakat Melayu/Islam kini menerima hakikat bahawa dalam keadaan yang dibolehkan agama, mereka terpaksa bertolak ansur demi keperluan dan kepentingan negara. Mereka tidak mengorbankan nilai-nilai atau tuntutan agama tetapi tidak bersikap melampau dalam soal agama.

Dalam soal masjid, umpamanya, mereka akur bahawa keadaan lama di mana setiap kampung mempunyai masjid atau suraunya sendiri tidak dapat dikekalkan. Mereka mengerti bahawa tanah terbatas di Singapura. Oleh itu, mereka menerima bahawa yang lebih praktikal ialah membina masjid yang lebih besar bagi menampung penduduk di kawasan yang lebih luas.

Soal tanah perkuburan merupakan satu contoh lain. Pemerintah baru-baru ini mengumumkan langkah untuk memindahkan semula, selepas 15 tahun, mayat lama ke dalam lubang kubur yang lebih kecil saiznya. Fatwa yang membolehkan hal ini kerana maslahat keterbatasan tanah di Singapura, telah diterima masyarakat Melayu/Islam.

Singapura berada di lautan masyarakat Melayu/Islam. Dalam latarbelakang begini, boleh timbul kecenderungan untuk masyarakat Islam Singapura bersikap melampau-lampau dalam soal agama. Kemungkinan hal ini boleh berlaku sudah cukup untuk menimbulkan keresahan dalam negeri.

Hakikat sikap masyarakat Islam yang sederhana dalam soal beragama dan realistik dengan sekitaran di negaranya, tanpa mereka perlu menggadai pegangan kepada agama, merupakan sumbangan yang sangat besar maknanya. Ia menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat Singapura yang lebih besar dan kewujudan persekitaran yang stabil untuk kemajuan ekonomi.

## **KESERASIAN DASAR**

Masyarakat Melayu/Islam sememangnya telah memutuskan untuk tinggal di Singapura. Mereka mahu aktif menyumbang kepada membangun negara sambil mengekalkan nilai identiti budaya dan keislaman.

16.1.1.2

Pendirian ini diambil sebagai tanda menyokong dasar-dasar utama negara yang didapati serasi dengan kepentingan umum masyarakat Melayu/Islam itu sendiri.

Kepada mereka, walaupun Singapura ialah sebuah negara sekular, dasar pembangunan yang diamalkan dapat memberi ruang untuk warisan Islam dikekalkan dan nilai-nilai murni Islam diperkembangkan.

16.1.1.2.1

Ada tiga prinsip asas bagaimana Singapura mengatur urusan agama. **Pertama**, pemerintah menerima peranan penting agama dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat berbilang agama. **Kedua**, pemerintah membenarkan kebebasan mengamalkan kepercayaan dan amalan agama dengan syarat adanya sifat saling menghormati dan bertolak ansur di kalangan para penganut setiap agama. **Ketiga**, adanya penerimaan daripada semua agama, media massa dan masyarakat politik bahawa isu-isu agama yang peka tidak boleh dieksplotasi untuk muslihat politik.

16.1.1.2.2

Prinsip ini yang dihidupkan menerusi dasar-dasar dan program-program pemerintah yang lain telah membantu mengurangkan, kalaupun tidak terus menghakis, kebimbangan masyarakat Melayu/Islam terhadap kemungkinan mereka kehilangan identiti dan warisan agamanya sebagai minoriti. Rasa yakin terhadap keselamatan diri ini telah memberi ruang untuk mereka keluar dari kelongsor psikologi.

16.1.1.2.3

Secara psikologi, masyarakat minoriti Islam di Singapura berasa lebih terjamin berada dalam sebuah sistem sekular yang menghormati semua agama daripada kemungkinan satu sistem lain yang menampakkan kecenderungan kepada berpihak kepada sesuatu agama. Beberapa kes perundangan yang melibatkan kepekaan agama telah dirujukkan kepada masyarakat Islam, istimewa melalui MUIS, untuk mendapat pandangan. Contohnya, Akta Pemindahan Organ dan Akta Keharmonian Kaum.

Dasar *multiracial* dan *meritocracy* juga dalam banyak hal telah membolehkan masyarakat Melayu/Islam berkeupayaan membina ciri-ciri positif dalam menyesuaikan diri untuk terus bersaing secara terbuka.

Sébagai contoh, *meritocracy* menghindar kecenderungan mengangkat seseorang bukan atas dasar kebolehan atau kepakaran. Ia mendorong semangat belajar lebih gigih kepada semua orang kerana yakin dengan peluang sama bagi mereka yang berkelayakan. Dasar ini juga lebih menjamin wujudnya secara berterusan kepimpinan yang berkebolehan tinggi serta berintegrity yang sewajarnya dialu-alukan oleh semua pihak dalam sebuah negara berbilang kaum.

Malah, dalam beberapa hal, perlaksanaan beberapa dasar negara itu menunjukkan kelompok majoriti telah mengangkat kepentingan kelompok minoriti. Misalnya, dasar *multiracialism* yang diamalkan di Singapura telah menuntut golongan majoriti membuat pengorbanan demi kesejahteraan golongan minoriti seperti dalam perlaksanaan gagasan Kawasanundi Perwakilan Berkumpulan (*Group Representative Constituency*, atau GRC). Gagasan GRC yang memerlukan beberapa kawasanundi ditandingkan sebagai satu kumpulan dengan penyertaan sekurang-kurangnya satu calon etnik minoriti diperkenalkan sebagai usaha menjamin bahawa akan terus ada perwakilan golongan etnik minoriti dalam parlimen. Sistem ini pernah disifatkan sebagai “*was the product of Chinese mind for welfare of the Malay community.*” Menurut rekod, Encik Lee Kuan Yew, pada ketika menjadi Perdana Menteri, pernah memutuskan bersetuju sebidang tanah awam digunakan untuk membangun sebuah masjid bagi memenuhi keperluan masyarakat Islam, walaupun ada tuntutan dari golongan majoriti Cina untuk membangunkan kemudahan rekreasi di tanah tersebut.

Terbit daripada pertimbangan-pertimbangan yang demikian itulah wujudnya kesediaan masyarakat Melayu/Islam mengambil pendekatan menerima baik bekerjasama dengan pemerintah dan menyokong dasar-dasar utama negara yang ternyata dapat meminimumkan kemungkinan masyarakat Islam, sebagai minoriti, tertindas. Pendekatan ini dengan sendirinya mengurangkan kemungkinan menjadikan konfrontasi politik sebagai pendekatan dalam menangani persoalan masyarakat Islam. Dengan berkurangnya konfrontasi politik, banyak tenaga dapat disalurkan kepada kerja-kerja pembangunan yang lebih positif.

## SUMBANGAN MAJLIS UGAMA ISLAM SINGAPURA (MUIS)

Sesuai dengan prinsip pemerintah menerima peranan penting agama dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat berbilang agama, MUIS, selain daripada melaksanakan peranan asasnya menasihat Presiden Republik Singapura mengenai Islam dan ehwal masyarakat Islam, telah memanfaatkan pembentukan dan kedudukannya untuk menjadi penyumbang utama dalam usaha membangun sebuah masyarakat Islam yang dinamik, berpandangan terbuka, bersikap sederhana dan terus aktif menyertai arus perdana untuk sebagai warga yang kuat dan bertanggungjawab.

Dalam hal ini, MUIS telah mengambil banyak prakarsa menjadikannya sebuah lembaga penting dan berwibawa bukan sahaja pada pandangan masyarakat Melayu/Islam, tetapi juga pada warga Singapura seluruhnya. Ini dilakukan menerusi langkah menguatkan sumber kepimpinan dan tenaga manusianya, serta perlaksanaan program-program yang dapat memberi manfaat besar kepada masyarakat Islam dan merangsang untuk mereka berusaha lebih gigih lagi untuk menikmati kejayaan yang berterusan.

Pada masa yang sama, MUIS juga berperanan memastikan nilai-nilai dan amalan agama Islam sentiasa dijaga dan disuburkan menerusi berbagai program baik di masjid-masjid, menerusi pendidikan madrasah, kegiatan pembangunan keluarga mahupun melalui kerjasama atau sinergi dengan badan-badan bantudiri yang lain.

Tahun lalu, MUIS meraikan ulang tahunnya yang ke-30. Menyingkap kembali cabaran dan kejayaannya dalam tempoh itu, jelaslah MUIS mendapat penerimaan daripada masyarakat sebagai satu-satunya badan penguasa agama yang berwibawa dan mampu menjaga, mempertahankan dan mengembangkan syiar Islam selaras dengan tugas dan matlamat pembentukannya. Malah keupayaan MUIS menjaga ehwal masyarakat Islam dengan baik telah mengukuhkan lagi kepercayaan pemerintah Singapura terhadap orang Islam dan membantu membentulkan beberapa tanggapan kurang tepat tentang Islam.

## MASA DEPAN: CABARAN DAN HARAPAN

Setakat ini, sumbangan masyarakat minoriti Islam dalam pembangunan Republik Singapura memang jelas.

Perdana Menteri Goh Chok Tong memperakui hakikat ini apabila beliau mengatakan bahawa masyarakat Melayu/Islam “telah menjadi tunggak kejayaan Singapura,” sambil menegaskan lagi bahawa, “tanpa sokongan aktif masyarakat Melayu/Islam, kita (Singapura) tidak mungkin begitu berjaya.”

Pengiktirafan ini penting untuk menunjukkan betapa masyarakat Melayu/Islam Singapura telah secara sedar, walaupun perlahan tetapi pasti, berusaha membuat sumbangan yang besar maknanya kepada pembangunan Republik Singapura.

Terdapat empat pendekatan positif masyarakat minoriti Islam Singapura yang membolehkannya menyumbang kepada pembangunan negara. **Pertama**, kegigihan mempertahan pegangan kepada warisan dan nilai agama, tetapi pada masa yang sama peka dengan keperluan negara secara keseluruhan dan berusaha pada menyeimbangkan keperluan-keperluan tersebut. **Kedua**, kesediaan untuk bersaing menerusi partisipasi aktif, bukan dengan meminggir menagih simpati. **Ketiga**, bersikap bijaksana dalam memanfaatkan peluang-peluang yang ada dalam mengambil pendekatan-pendekatan yang dapat mengurangkan atau meminimumkan kemungkinan ancaman terhadapnya. Dan **keempat**, kesedaran bahawa situasi dan kondisi di sesuatu tempat harus menjadi pertimbangan penting dalam menentukan pendekatan-pendekatan terbaik untuk bertindak bagi kemajuannya.

Sumbangan bermakna itu pula telah dipermudah lantaran wujudnya tiga faktor berikut: **pertama**, adanya sistem pemerintahan dan politik yang walaupun sekular, condong kepada menghormati nilai-nilai agama; **kedua**, kesepakatan masyarakat minoriti Islam itu sendiri untuk berpartisipasi dalam arus utama negara tanpa membelaikan keperluan agamanya; dan **ketiga**, kebijaksanaan memanfaatkan sokongan pemerintah sambil membuat prakarsa sendiri menerusi persaingan dan usaha-usaha bersama atau bantudiri.

Soal yang dihadapi sekarang ialah: bagaimana pula pada masa-masa mendatang? Mampukah masyarakat minoriti Islam mempertingkat prestasi diri dan terus menyumbang kepada pembangunan Singapura?

Scenario pada alaf baru tentu lebih mencabar.

Globalisasi dan kecanggihan kemajuan *it* akan terus mengukuhkan sikap Singapura untuk menjadi bandar dunia. Singapura akan menjadi semakin terdedah dan terus menjadikan dunia sebagai saingannya. Untuk memenuhi cabaran ini, Singapura harus mempunyai dayasaing yang tinggi dan kumpulan tenaga manusia yang berbakat untuk mampu bersaing.

Hakikat bahawa Singapura akan terus berada dalam pengaruh globalisasi dan ekonomi berteras ilmu telah ditegaskan lagi baru-baru ini oleh PM Goh sendiri. Malah, beliau menekankan lagi keperluan Singapura bergerak ke arah menjadi yang terbaik, atau di antara yang terbaik di dunia; tidak lagi cukup hanya sebagai yang terbaik di peringkat kerantauan.

Hal ini tentu sekali mencabar kesediaan masyarakat Islam, meskipun pada masa yang sama turut menawarkan peluang-peluang baru.

Dengan globalisasi, dan terutamanya kehadiran fenomena *kbe* (*knowledge-based economy*, atau ekonomi berteras ilmu), seluruh tenaga manusia Singapura akan menjalani proses latihan dan latihan semula secara intensif untuk dilengkap dengan kemahiran baru dan tinggi untuk bersedia melaksanakan peranan dalam ekonomi baru yang lebih berteknologi canggih. Tahap sekadar mempersiap diri dengan pendidikan asas sudah harus dianggap usang.

Mereka yang tidak bersedia memanfaatkan fenomena ini akan segera terasing, menjadi tidak relevan, malah akan terkeluar daripada membuat sumbangan.

Sekiranya tahap peningkatan pencapaian masyarakat Melayu/Islam tidak segera dipacu, mereka akan tercabar kuat dengan proses ini. Dalam kegawatan ekonomi yang berlaku sekarang inipun, sebahagian besar para pekerja yang terjejas dengan pemberhentian kerja, adalah para pekerja yang berkemahiran rendah. Dan para pekerja Melayu/Islam banyak berada dalam golongan ini.

Dengan saiz penduduk yang kecil, Singapura perlu menarik bakat-bakat asing untuk mendorong peluasan kolah kepakaran, inovatif dan inventif yang genting diperlukan bagi kesinambungan kemajuannya. Masyarakat Islam dalam hal ini, bukan lagi hanya harus bersaing dengan bakat-bakat tempatan, tetapi juga dengan bakat-bakat asing.

Jadi, cabaran masyarakat Islam pada masa akan datang tidak lagi hanya terbatas kepada menyediakan pendidikan asas dan pendidikan kepakaran kepada anak-anak Islam. Mereka perlu membuat lebih daripada itu, iaitu melayakkan diri sebagai orang-orang yang berkebolehan tinggi serta mampu bersaing dan menawarkan diri berkhidmat di peringkat nasional.

Berdasarkan pengalaman yang telah ditempuh, masyarakat Islam nampaknya akan lebih bersedia menghadapi cabaran ini kini. Perutusan meluas telahpun disampaikan kepada para pekerja Islam khasnya dan masyarakat Islam amnya mengenai fenomena ini. Program latihan dan latihan semula juga dilaksanakan bukan sahaja oleh agensi-agensi pemerintah, juga oleh badan-badan Islam termasuk masjid-masjid.

Sebagai satu langkah besar, satu sidang peringkat nasional membahaskan fenomena kbe dan persiapan yang harus dilakukan oleh masyarakat Islam akan dilangsungkan Disember ini dengan penyertaan semua golongan masyarakat Islam.

Keupayaan masyarakat Islam meneruskan sumbangannya turut juga bergantung kepada sejauh mana pihak bukan Islam bersedia memaham dan menerima aspirasi mereka secara berterusan.

Kita melihat bagaimana pengalaman sejarah pemimpin-pemimpin nasional masa lalu telah membolehkan beberapa dasar utama yang sukar diterjemahkan, seperti *meritocracy* dan *multiracialism*, dilaksanakan mereka dengan cermat, penuh kepekaan dan dalam suasana yang tidak menimbulkan prasangka. Contoh yang pernah diberikan ialah dalam memperkenal gagasan GRC. GRC merupakan satu langkah perundangan menjamin adanya perwakilan daripada golongan etnik minoriti dalam parlimen. Dalam contoh ini kita melihat betapa pemimpin dari generasi Encik Lee Kuan Yew, walaupun daripada etnik Cina, berpandangan jauh memujuk golongan majoriti Cina membuat pengorbanan dengan menerima adanya secara kekal anggota parlimen dari golongan minoriti, termasuk etnik Melayu, walaupun kaedah ini pada sebahagian pihak dianggap bertentangan dengan sistem satu orang satu undi.

Di masa hadapan, dengan kehadiran generasi pemimpin muda yang lebih mengutamakan kecekapan, ditambah pula dengan kekurangan pengalaman dan pendedahan berinteraksi dengan kaum-kaum etnik berlainan daripada sejak peringkat awal lagi, situasi yang berbeza mungkin sukar dielakkan.

Kebimbangannya ialah walaupun memakai dasar yang serupa, penakrifannya boleh berbeza. Sekiranya semangat *accomodative* yang terpakai oleh generasi kepimpinan awal kurang dimanfaatkan lagi, maka ketegangan mungkin wujud dan hal ini akan menyukarkan masyarakat Islam dalam terus menyumbang.

Demikian juga dengan pandangan-pandangan *stereotype* yang dipakai ke atas masyarakat Islam yang boleh membentuk penerimaan yang salah terhadap mereka, misalnya soal orang Islam yang militan, kesetiaan yang diragukan, kurang berkebolehan dalam sektor kewangan, dan yang sebagainya.

Bersama-sama faktor-faktor di atas, satu lagi faktor yang tidak boleh diambil ringan ialah sikap masyarakat Islam itu sendiri dalam menampilkan ciri identiti keislaman kepada masyarakat Singapura seluruhnya.

Sehingga kini, imej sederhana yang ditunjukkan oleh masyarakat Islam di sini begitu meyakinkan bahawa mereka bukanlah golongan tersendiri yang tertutup dan *communal*. Masyarakat Islam Singapura telah menunjukkan bahawa mereka menerima pembangunan moden dan mahu aktif menyumbang kepada pembangunan Singapura sambil mengekalkan identiti diri sebagai penganut Islam.

Bagaimanapun, globalisasi dan kecanggihan *it*, seperti yang disebutkan telah juga lebih menyegarkan kesedaran dan semangat mereka kepada Islam dan perkembangan yang berlaku di negara-negara berpenduduk Islam. Sekiranya kesedaran dan semangat ini disalahtafsir dan menghasilkan gambaran yang silap dan berbentuk negatif, umpamanya orang-orang Islam menjadi lebih mendesak tanpa peka dengan sekitarannya atau mereka bertindak tanpa menghirau kepentingan bersama, maka hubungan baik yang selama ini terjalin dalam konteks masyarakat berbilang kaum di Singapura mungkin boleh terjejas. Jika ini berlaku, usaha masyarakat Islam meneruskan sumbangan akan pasti menjadi sukar.

Semua cabaran ini boleh menghambat usaha-usaha masyarakat minoriti Islam menyumbang kepada pembangunan Singapura pada masa hadapan.

Bagaimanapun, sekiranya cabaran ini ditangani dengan bijak dan betul, semuanya dapat berubah menjadi peluang-peluang baru bagi meningkatkan sumbangan masyarakat Islam itu sendiri.

Adalah menjadi komitmen masyarakat Islam Singapura masa kini untuk terus menyumbang kepada pembangunan Singapura pada alaf menjelang. Untuk itu, mereka perlu terus menghayati prinsip belajar sepanjang hayat, istimewa melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan khususnya dalam memenuhi era globalisasi dan *kbe*; terus membantu masyarakat bukan Islam supaya lebih memahami Islam dan boleh menerima aspirasi masyarakat Islam; dan akhir sekali, dapat melaksanakan amalan dan nilai-nilai Islam tanpa menimbulkan prasangka kepada orang lain.

## OoooooO

/ra/P/Sp99(14.doc